



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI JOHOR

ARAS 1 & 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK

KOTA ISKANDAR 79503 ISKANDAR PUTERI



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor bagi jawatan berikut :-

Nama Jawatan	: Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41
Taraf Jawatan	: Kontrak
Klasifikasi Perkhidmatan	: Sistem Maklumat
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan dan Profesional
Kekosongan	: 1

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
 - i. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains computer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred F41 : RM2,315.00); atau
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred F41 : RM2,522.44); atau
 - iii. Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred F41 : RM2,833.78); atau
 - iv. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred F41 : RM3,145.11).

SYARAT BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS :

Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan Jabatan.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

1. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang senibina dan komponen Pangkalan Data Oracle.
2. Mempunyai pemahaman yang kukuh tentang bahasa SQL.
3. Mempunyai kefahaman dengan tools pangkalan data Oracle seperti TOAD dan SQL Developer.
4. Mempunyai kefahaman dengan sistem operasi Unix atau Linux.
5. Mempunyai keupayaan dan kemahiran untuk menganalisa masalah teknikal yang kompleks dan memberikan penyelesaian yang inovatif.
6. Mempunyai kemahiran menganalisa keperluan pengguna dan kehendak pengoperasian sistem.
7. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang sangat baik, dengan keupayaan untuk berkolaborasi dengan pihak berkepentingan di seluruh organisasi.
8. Mempunyai kemahiran kepimpinan dan pengurusan pasukan yang kuat, dengan keupayaan untuk memberi motivasi kepada ahli pasukan
9. Mempunyai pengetahuan dalam perakaunan adalah satu kelebihan.

CARA MEMBUAT PERMOHONAN :-

1. Permohonan hendaklah dengan dilakukan secara dalam talian di <https://jawatan.johor.gov.my>

2. **TARIKH BUKA PERMOHONAN : 24 MEI 2023 (9.00 PAGI)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 5 JUN 2023 (11.00 MALAM)

3. **Catatan am :**

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan / senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan **sekiranya dipanggil temuduga**, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (TIGA) tahun terakhir, **secara fizikal**.
- iii. Cetakan borang daripada sistem hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temuduga.

- iv. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka TIDAK BERJAYA.
- v. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab oleh pemohon sendiri.
- vi. Semua permohonan hendaklah disertakan salinan semakan pengiktirafan Sijil/ Diploma/ Ijazah daripada Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau Malaysian Qualification Register (MQR) melalui capaian <https://www2.mqa.gov.my/mqr>